

**PERSEPSI PELAJAR PRASISWAZAH PROGRAM PENGAJIAN
BAHASA INGGERIS MENGENAI KECEKAPAN KENDIRI DALAM
KEMAHIRAN KEBOLEHGAJIAN DALAM SEKTOR PEKERJAAN**

***SELF-PERCEIVED COMPETENCE OF ENGLISH LANGUAGE
UNDERGRADUATES ON EMPLOYABILITY SKILLS AT THE
WORKPLACE***

Pramela Krish^{1*}, Kamisah Osman², Subahan T.³ and Zanaton Iksan⁴

¹School of Language Studies and Linguistics, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

^{2,3,4}Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: pramela@ukm.edu.my

Segulung ijazah tidak boleh dianggap sebagai pasport untuk bekerja di pasaran kerja global yang sentiasa berubah dan berdaya saing. Hal ini terbukti dengan peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan, terutamanya graduan institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Adakah ini disebabkan oleh pasaran kerja yang semakin berdaya saing atau disebabkan oleh kualiti para pencari kerja dan graduan semasa yang tidak memenuhi permintaan pasaran kerja? Oleh itu, makalah ini akan melaporkan hasil kajian mengenai kebolehgajian pelajar prasiswazah, yang bertujuan untuk mengetahui sama ada kursus-kursus yang ditawarkan di universiti boleh melengkapkan pelajar prasiswazah dengan kemampuan dan sikap yang sepatutnya untuk bersaing dalam pasaran kerja ataupun sebaliknya. Adakah mereka mempunyai kemahiran komunikasi, kemahiran literasi, dan asas dalam penyelidikan, serta pengetahuan yang diperlukan untuk memenuhi kehendak bakal majikan? Seramai tujuh prasiswazah tahun akhir berkongsi persepsi mereka tentang kecekapan dari segi kemahiran kebolehgajian mereka melalui sesi temu bual. Makalah ini juga melaporkan beberapa pandangan positif yang dikongsi oleh mereka serta memberi beberapa cadangan untuk memperbaiki dan mengintegrasikan kemahiran kebolehgajian dalam kursus pengajian ijazah sarjana muda untuk pengetahuan akademik dan praktikal pelajar prasiswazah.

Kata kunci: kebolehgajian, kebolehpasaran, graduan, celik komunikasi dan bertulis, pengetahuan dan kemahiran penyelidikan

In today's constantly changing and increasingly globalised job market a degree can no longer be regarded as an automatic passport to employment. This is evident with an increasing number of graduates, especially from public institutes of higher learning in Malaysia who are unemployed. Is this due to the more competitive job market or are the current batches of job seekers and graduates unmarketable? Hence this paper reports on a study done to find out whether the courses offered at the universities, adequately prepare them with the right blend and attitude to compete in the job market in terms of sufficient communication and literacy skills and the basic research knowledge to fulfil the needs of the prospective employers. A total of seven undergraduates in their final year of study shared their self-perceived competence on employability via focus group interviews. This paper ends with some recommendations on improving and integrating employability skills in undergraduate courses in terms of academic and practical knowledge.

Keywords: employability, marketability, graduates, communicative and written literacy, knowledge and research skills

PENDAHULUAN

Pada masa kini, kemahiran kebolehgajian (*employability*) diberi penekanan dan persoalannya; setakat manakah pemegang ijazah kita benar-benar bersedia untuk menghadapi dunia sebenar apabila mereka tamat pengajian? Oleh yang demikian, ia adalah penting untuk menangani isu kemahiran kebolehgajian dalam kursus-kursus pengajian yang ditawarkan di institut-institut pengajian tinggi. Kita perlu mengenal pasti sama ada kursus-kursus tersebut diterapkan dengan kemahiran kebolehgajian. "Kebolehgajian" adalah istilah yang agak baru dan sering diperkatakan kebelakangan ini. Istilah ini semakin terkenal kerana pasaran kerja, kerajaan Malaysia, dan para majikan dengan serentak mentafsirkan kemahiran kebolehgajian para graduan sebagai faktor kebolehpasaran mereka dalam sektor pekerjaan (Morshidi et al., 2009). Oleh itu, kebolehgajian mempunyai maksud yang lebih mendalam daripada hanya sekadar peluang pekerjaan (Harvey, 2003). Menurut beliau, untuk menerapkan kemahiran kebolehgajian, pelajar perlu dilengkapi ciri-ciri yang betul dan teknik atau pengalaman untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, supaya mereka mampu mencapai kemajuan dalam kerjaya. Sebenarnya, kebolehgajian adalah mengenai pembelajaran dan penekanan adalah lebih kepada "keupayaan" dan kurang pada "pekerjaan". Harvey juga memberi penekanan kepada pembangunan kebolehan kritikal dan reflektif, dengan visi untuk memperkasa dan meningkatkan kebolehgajian para pelajar. Dacre dan Sewell (2007) menganggap kebolehgajian sebagai satu set kemahiran, pengetahuan, kefahaman dan ciri-ciri peribadi yang membolehkan

individu lebih cenderung untuk memilih dan berjaya dalam kerja-kerja yang memberi manfaat kepada mereka, masyarakat dan ekonomi.

Kebanyakan pekerjaan semasa memerlukan bukan sahaja pengetahuan dalam bidang tertentu, tetapi juga menitikberatkan kemahiran insaniah – kefasihan dalam bahasa, komunikasi interpersonal, kebijaksanaan dan kematangan. Para majikan mendapati bahawa ia satu cabaran untuk mengambil graduan dengan kualiti sebegini untuk bekerja, dan ia lebih mencabar untuk mendapatkan graduan yang berupaya untuk berkomunikasi baik dalam bahasa Inggeris. Para majikan sering menyuarakan ketidakpuasan mereka kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Pengajian Tinggi) mengenai ketidakbolehgajian graduan tempatan, serta mempertikaikan hakikat bahawa institut-institut pengajian tinggi menghasilkan bilangan graduan yang ramai. Para majikan amat memandang tinggi terhadap kefasihan berbahasa Inggeris kerana ia boleh membantu meningkatkan potensi kerjaya seseorang dan merupakan aset yang tidak ternilai kepada mana-mana organisasi pada peringkat global.

Dengan peralihan dalam tumpuan ekonomi Malaysia dari industri pembuatan ke industri perkhidmatan, keperluan tenaga kerja turut berubah. Kini, terdapat lebih penekanan terhadap pengetahuan teknikal yang betul dan kemahiran insaniah seperti komunikasi interpersonal dan kemahiran berbahasa. Kemahiran asas seperti celik huruf, pengiraan dan kemahiran dalam penggunaan teknologi adalah turut penting untuk pencari kerja. Menurut Gibb (2004), kemahiran asas merangkumi kemahiran yang berkaitan dengan orang, kemahiran berfikir, kemahiran peribadi, kemahiran perniagaan dan kemahiran bermasyarakat. Menurut satu kajian pada tahun 2005, pihak kerajaan mendapati bahawa kira-kira 60,000 graduan universiti masih menganggur, manakala kajian Graduate Trace yang dijalankan pada tahun 2006, yang melibatkan 132,900 graduan, mendapati 30.7% daripada mereka menganggur selama kira-kira enam bulan selepas tamat pengajian (Tan, 2007).

Tambahan pula, tajuk berita utama sering menyiarkan laporan tentang peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan daripada universiti awam. Oleh itu, segulung ijazah tidak lagi menjamin kemasukan automatik para graduan ke bidang pekerjaan. Adakah ini kerana pasaran kerja yang semakin berdaya saing atau kerana para pencari kerja dan graduan tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan, oleh itu mereka tidak mempunyai faktor kebolehgajian?

Universiti-universiti awam telah berkembang daripada hanya tujuh buah universiti awam pada tahun 1990 kepada 20 buah universiti awam pada tahun 2012 (Ministry of Higher Education, 2012a). Sementara itu, sebanyak 18 buah universiti swasta telah ditubuhkan. Kini, terdapat lebih daripada 500 buah institut pengajian yang merangkumi kolej universiti, kampus cawangan tempatan atau luar negara, universiti terbuka dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain (Noor Azina, 2011). Walaupun bilangan universiti-universiti awam, universiti

swasta dan kolej universiti yang menawarkan kursus-kursus berorientasikan pasaran tertentu telah bertambah, pelajar masih seolah-olah kekurangan bimbingan semasa mereka memohon pekerjaan. Bukan itu sahaja, pencari kerja juga didapati telah mula bersikap cerewet dan memilih. Noor Azina (2011) juga berkata bahawa kerajaan Malaysia telah cuba mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan melalui pelaksanaan pelbagai dasar seperti Dasar Pembangunan Nasional (1991–2000) dan Dasar Misi Nasional (2006–2020), tetapi kesan daripada dasar-dasar ini masih belum dapat dilihat, oleh itu kajian selanjutnya perlu dijalankan untuk meneliti perkara ini. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia juga telah mengeluarkan pelan baru untuk menangani masalah pengangguran para graduan di Malaysia. Pelan ini merangkumi pelbagai program dan aktiviti untuk graduan sebelum mereka memasuki alam perkerjaan. Pelan ini hanya boleh berfungsi dengan penglibatan aktif institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia (Ministry of Higher Education, 2012b).

Para majikan juga menyatakan bahawa kemerosotan tahap kefasihan berbahasa Inggeris sebagai kelemahan utama dalam kalangan graduan kini. Menurut Vijan (2007) dan Phang (2006), para graduan tidak dapat menarik perhatian majikan kerana mereka kekurangan kemahiran pembentangan, berkomunikasi serta lemah dalam bahasa Inggeris. Di samping itu, mereka juga tidak dapat memberi sumbangan yang berkesan kepada syarikat atau organisasi kerana mereka kekurangan pendedahan dan penglibatan praktikal dalam bidang pekerjaan (Nor Shimaz, 2007). Kesemua faktor ini telah menyumbang kepada masalah pengangguran dalam kalangan graduan di Malaysia. Akan tetapi, ia tidak tepat untuk menyalahkan para graduan sahaja.

Para pendidik mesti bersedia untuk meluaskan peranan pedagogi mereka untuk menyampaikan pengetahuan teori dan praktikal yang boleh menyediakan para graduan untuk pasaran kerja pada abad ke-21. Mereka perlu mendidik pelajar-pelajar mereka untuk menjadi pencari dan pengguna maklumat yang cekap dan berkesan (Popescu dan Popescu, 2003). Robinson (2000) berpendapat bahawa kemahiran kebolehgajian adalah kemahiran yang boleh diajar di sekolah dan juga di tempat kerja. Maka, pihak berkuasa haruslah menetapkan matlamat dan objektif untuk pengajaran kemahiran kebolehgajian. Selain itu, beliau juga mencadangkan bahawa kursus-kursus dan arahan perlu direka untuk memastikan matlamat dan objektif yang telah ditetapkan boleh dicapai.

Penekanan dalam pembangunan kemahiran penyelidikan dilihat sebagai satu prinsip yang mendasari program-program pengajian prasiswazah (Katkin, 2003). Pelajar menghargai peluang untuk menjalankan penyelidikan, dan mereka melihat pengalaman dalam penyelidikan sebagai cara untuk memantapkan kredibiliti profesional, meningkatkan kemahiran, memperoleh satu pemikiran yang khusus, dan mengesahkan perancangan kerjaya untuk masa depan mereka (Seymour et al., 2004). Kemahiran penyelidikan adalah penting di tempat kerja kerana ia membolehkan seseorang mengetahui jenis pangkalan data dan sumber-sumber lain untuk diakses, cara untuk mendapatkan data yang relevan, serta cara

untuk menyusun dan menganalisis data dan membangunkan saranan (Burke et al., 2008). Majikan mencari graduan yang dilengkapi dengan semua kemahiran ini kerana ia menggambarkan pemikiran yang berdikari dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah. Kajian Murdoch-Eaton et. al (2010) yang melibatkan temu bual jenis kumpulan fokus dengan pelajar-pelajar perubatan prasiswazah telah mengiktiraf manfaat daripada pengalaman dalam penyelidikan. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk pemahaman yang realistik dalam proses penyelidikan. Satu kajian kolaboratif yang merangkap bengkel latihan untuk meningkatkan pengetahuan dalam kaedah penyelidikan oleh beberapa universiti di Australia mendapati kesan positif terhadap pengalaman dalam penyelidikan, dan kemahiran sebelum dan selepas bengkel, di mana para peserta (pengamal am) menunjukkan minat yang tinggi kepada projek penyelidikan (Reid et al., 2008). Walaupun perbincangan terdahulu tertumpu kepada prasiswazah perubatan, ia dapat diperhatikan dengan jelas bahawa pengertian penyelidikan adalah serupa dalam kalangan kebanyakan program pengajian prasiswazah.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Hazmillah (2008), beliau melaporkan bahawa latihan industri para pelajar adalah sesi yang paling berharga dan dapat membantu mereka untuk diambil bekerja kerana mereka akan menerima tugas-tugas yang sesuai dengan mereka semasa latihan. Ogbeide (2006) menggunakan instrumen kemahiran kebolehgajian untuk menilai persepsi sendiri terhadap tahap kecekapan dalam melaksanakan beberapa kemahiran asas yang diperlukan untuk kerjaya dalam industri hospitaliti. Seramai 85 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Ogbeide mendapati bahawa pelajar dengan pengalaman kerja akan menganggap diri mereka mempunyai kecekapan yang lebih tinggi dalam menggunakan tatabahasa yang betul, ejaan, dan tanda baca, serta mampu berfungsi pada tahap prestasi yang optimum. Selain itu, para pelajar perempuan menganggap diri mereka sebagai lebih baik dalam mengutamakan masalah, mendengar dengan penuh perhatian dan bertindak balas kepada komen-komen orang lain semasa perbualan. Di samping itu, graduan yang mempunyai pengalaman dalam latihan industri percaya bahawa mereka mempunyai kecekapan yang tinggi dalam penyampaian maklumat dengan bersua muka, pembentangan perniagaan yang berkesan, bekerja dengan baik dengan rakan sekerja, mempunyai hubungan yang baik dengan orang bawahan dan pengagihan kerja setara dengan rakan sekerja.

Di Malaysia, Model Ekonomi Baru (MEB) telah dibangunkan untuk merubah Malaysia daripada sebuah negara berpendapatan sederhana kepada negara maju menjelang 2020. Malaysia ingin menjadi sebuah negara yang berekonomi maju dan berdaya saing, serta rakyat yang boleh menikmati kualiti hidup yang tinggi, serta memperoleh pendapatan yang tinggi, hasil daripada kemajuan yang inklusif dan mampan menjelang 2020. Untuk mencapai matlamat ini, Malaysia perlu melaksanakan program-program yang mampan dan bersistematik untuk memastikan para pelajar dilengkapi dengan tahap

penguasaan bahasa Inggeris yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran global.

Siti Hamin et al. (2008) melaporkan bahawa para graduan yang memohon kerja di sesebuah organisasi didapati tidak mencukupi dan tidak berkesan dari segi idea, ketepatan dan pembentangan seperti yang digambarkan dalam sampel penulisan mereka. Jika para graduan tersebut diambil kerja, mereka akan menghadapi kesukaran dalam penulisan di tempat kerja. Menurutnya lagi, terdapat ketidaksepadanan antara tahap kecelikan bertulis dalam bahasa Inggeris para graduan tersebut dengan permintaan penulisan di tempat kerja. Penemuan yang sama dilaporkan oleh Siti Hamin dan Ismie Roha (2005) apabila kajian mereka menunjukkan ketidaksepadanan antara kursus penulisan yang ditawarkan di institut pengajian dengan keperluan sebenar penulisan dalam industri pelancongan dan perhotelan. Penemuan mereka adalah selaras dengan hasil kajian Morshidi et al. (2009) yang menyatakan bahawa pengangguran dalam kalangan graduan adalah disebabkan oleh ketidakpadanan antara bekalan dengan permintaan.

Dalam sebuah kajian lain oleh Siti Hamin et al. (2008: 28), mereka mendapati bahawa 118 daripada 205 orang pemohon bagi satu-satu jawatan mempunyai tahap penulisan antara tahap "sangat lemah" dan "sederhana" dan penulisan mereka adalah tidak memadai dan tidak berkesan dari segi idea, ketepatan dan pembentangan. Kajian ini menyimpulkan bahawa para pemohon tersebut mempunyai kemahiran bertulis yang masih belum dapat memenuhi permintaan penulisan di tempat kerja.

Kefasihan berbahasa Inggeris dan keupayaan mengakses pengetahuan global dilihat sebagai kecekapan yang penting oleh majikan yang sedia ada dan kedua-dua kecekapan tersebut amat diperlukan untuk pembangunan dan kemajuan daya saing sesebuah syarikat. Hal ini turut diberi penekanan oleh Sharifah Hapsah (2008) bahawa terdapat sebilangan pelajar yang tidak mampu untuk membina ayat yang betul dalam bahasa Inggeris. Beliau seterusnya menyatakan bahawa mereka yang berkemahiran dalam bahasa Inggeris pula mengelak daripada bercakap kerana mereka kurang yakin dalam bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, isu sebenar yang berkaitan dengan kebolehgajian memerlukan penyelidikan dan ia harus diberi sebab utama untuk mengkaji sama ada pelajar kita dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menyertai pasaran kerja atau tidak.

Oleh itu, kajian ini meneliti pandangan tujuh pelajar prasiswazah daripada Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik (PPBL) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk mengetahui persepsi pelajar-pelajar tersebut mengenai kecekapan mereka sebelum dan selepas mereka menjalani sesi latihan industri. Secara spesifik, kajian ini ingin mengetahui sama ada kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar pengajian Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Bahasa Inggeris, melengkapkan mereka sebagai graduan yang mempunyai gandingan sikap, kualiti dan pengetahuan untuk menghadapi pasaran

kerja atau tidak. Adakah mereka mempunyai pengetahuan secara lisan dan bertulis yang berpatutan, serta pengetahuan dalam asas penyelidikan untuk memenuhi permintaan bakal majikan? Kajian lepas telah membuktikan bahawa pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi pada masa kini tidak dilengkapi dengan kemahiran bertulis dan kecelikan lisan yang berpatutan untuk memenuhi permintaan pasaran kerja. Maka, penyelidikan sebegini mengenai pelajar dalam program Pengajian Bahasa Inggeris adalah penting untuk mengetahui persepsi pelajar mengenai kecekapan mereka dari segi kemahiran kebolehgajian. Kecekapan dalam kajian ini bermaksud kemahiran yang diperoleh para graduan untuk memasarkan diri mereka mengikut bidang masing-masing.

PROGRAM PENGAJIAN BAHASA INGGERIS

Program Pengajian Bahasa Inggeris di PPBL UKM, direka mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh institut pengajian tinggi. Objektif program ini adalah untuk melengkapkan para pelajar dengan kemahiran berbahasa Inggeris secara kritis dan profesional serta bekerjasama dengan rakan-rakan sekursus dan masyarakat. Program ini juga diharap dapat menghasilkan pelajar dengan kualiti kepimpinan dan kemahiran yang mampu membuat keputusan serta menyelesaikan masalah yang memupuk kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Program ini turut menyediakan latihan industri untuk mendedahkan para pelajar tahun akhir kepada pelbagai aspek dalam pengorganisasian dan etika supaya mereka memperoleh kemahiran sosial dan keprofesionalan yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan dan cabaran di tempat kerja. Maka, latihan industri ialah cara yang baik untuk mereka menimba pengalaman pekerjaan semasa mereka masih belajar kerana latihan industri melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi permintaan industri serta etika kerja. Kemahiran penyelidikan adalah satu lagi aspek yang diberi penekanan oleh majikan kerana banyak organisasi sedang bersaing sesama sendiri atau dengan badan-badan lain untuk meningkatkan perkhidmatan mereka bagi memenuhi keperluan pelanggan dan permintaan pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, kemahiran penyelidikan diterapkan dalam program pengajian melalui Kursus Kaedah Penyelidikan, iaitu teori penyelidikan diajar dan para pelajar menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan kursus mereka.

TUJUAN KAJIAN

Persoalan-persoalan penting seperti mengenai kecekapan dalam prestasi kebolehgajian para graduan telah dikaji. Kajian ini adalah tepat pada masanya memandangkan tumpuan semasa kerajaan Malaysia adalah dalam menangani isu kebolehgajian para graduan. Oleh itu, kita perlu mengetahui apakah persepsi

graduan program Pengajian Bahasa Inggeris mengenai kecekapan mereka semasa menghadapi majikan latihan industri mereka. Adakah mereka bersedia dalam kemahiran bermasyarakat? Jika tidak, bagaimana program ini dapat memenuhi permintaan majikan?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temu bual secara berkumpulan fokus dijalankan dalam dua fasa. Dua fasa tersebut ialah sesi temu bual yang dijalankan sebelum mereka menjalani sesi latihan industri (fasa pertama) dan fasa kedua ialah sesi temu bual dijalankan selepas mereka tamat sesi latihan industri. Sesi temu bual dijalankan dengan menggunakan protokol yang dibangunkan oleh para penyelidik. Bagi pemilihan sampel, persampelan bertujuan telah digunakan dan seramai sepuluh responden yang telah mengambil bahagian secara sukarela telah dipilih bagi fasa pertama kajian. Manakala, bagi fasa kedua, hanya tujuh orang daripada sepuluh orang responden mengambil bahagian. Berikut merupakan huraian ringkas mengenai para responden dan lokasi latihan industri mereka.

Responden 1 adalah seorang penyambut tetamu di sebuah hotel empat bintang di kampungnya, Miri, Sarawak. Responden 2 mengajar Bahasa Inggeris di sebuah sekolah rendah di Kelantan. Responden 3 mengajar Bahasa Inggeris di sebuah institusi swasta di Seremban. Responden 4 dan 5 menjalani latihan industri di sebuah sekolah awam di Nilai, Seremban. Responden 6 bekerja di sebuah bank di Kuala Lumpur dan responden 7 bekerja sebagai pembantu pentadbir di sebuah syarikat swasta di Lembah Klang. Soalan-soalan temu bual yang telah direka oleh para penyelidik merangkumi tiga aspek iaitu, kemahiran penulisan dan pembentangan, kemahiran penyelidikan dan pengalaman mereka semasa menjalani latihan industri. Kaedah temu bual adalah sesuai kerana maklumat seperti ini hanya boleh didapati melalui perbualan dengan para responden. Oleh itu, persepsi responden mengenai kemahiran kebolehgajian mereka sebelum dan selepas menjalani latihan industri dapat dikaji.

Para responden diminta untuk melaporkan tahap kemahiran bahasa Inggeris yang diperolehi melalui kursus-kursus di PPBL UKM yang membantu mereka dalam tugas-tugas secara lisan dan bertulis semasa mereka menjalani latihan industri. Mereka ditanya mengenai keyakinan mereka semasa mengambil bahagian dalam perbincangan secara berkumpulan, mesyuarat dan membuat pembentangan. Bagi kemahiran penyelidikan, para responden ditanya sama ada kursus kaedah penyelidikan adalah mencukupi dalam membekalkan kemahiran yang diperlukan semasa menjalankan kajian di tempat kerja atau tidak. Mereka telah diminta untuk menyatakan sama ada mereka lebih suka pendekatan penyelidikan kuantitatif atau kualitatif, cara mereka memilih sampel dan pemahaman mereka tentang etika penyelidikan. Mereka juga ditanya mengenai

penyediaan dan set tempoh untuk latihan industri, cabaran yang dihadapi semasa latihan industri dan kesesuaian kursus-kursus dalam program Pengajian Bahasa Inggeris dalam menghadapi dunia sebenar.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan daripada sesi temu bual melaporkan bahawa pengalaman para responden sebelum dan selepas latihan industri, berdasarkan tiga aspek iaitu (1) kemahiran bertulis dan komunikasi, (2) kemahiran penyelidikan dan (3) pengalaman serta cabaran yang dihadapi oleh para responden semasa menjalani latihan industri.

Sebelum dan Selepas Latihan Industri

Responden 1 berkata beliau tidak mempunyai masalah dengan bahasa. Malah, beliau juga mengatakan bahawa tatabahasa dan perbendaharaan kata bukan merupakan kebimbangan utama beliau, tetapi format penulisan yang membimbangkan beliau. Beliau menjelaskan semasa menjalani latihan industri, beliau terpaksa merujuk kepada format laporan dan format surat daripada Internet sebelum benar-benar mampu menjalankan tugas bertulis yang diberikan kepada beliau. Responden ini juga mendakwa beliau tidak yakin dengan kemahiran penulisannya kerana beliau terpaksa merujuk kepada format-format atas talian untuk menjalankan tugasannya.

Tatabahasa dan ejaan bukanlah masalah utama...format menjadi isu kerana saya perlu merujuk kepada format-format atas talian (Responden 1).

Responden 2 menjelaskan bahawa bahasa adalah penting semasa bekerja dan institusi pengajian atau kursus-kursus yang diambil tidak boleh dipersalahkan jika kemahiran berbahasa pelajar adalah lemah kerana ia merupakan tanggungjawab secara individu.

Ia bukannya salah kursus-kursus yang ditawarkan, tetapi masalah individu-individu yang kurang kemahiran bahasa yang diperlukan untuk menyertai tenaga kerja (Responden 2).

Responden berasa adalah tidak adil untuk menyalahkan kursus-kursus yang ditawarkan kerana mereka tidak dilengkapi dengan kemahiran kebolehgajian yang diperlukan. Sebagai contoh, seorang pensyarah boleh melengkapkan mereka dengan kemahiran bahasa yang diperlukan, tetapi jika tiada inisiatif daripada pelajar untuk meningkatkan kemahiran yang diperoleh,

maka pensyarah tidak boleh disalahkan jika pelajar tersebut tidak dapat menjalankan tugasnya di tempat kerja. Contoh ini menunjukkan bahawa responden mengetahui perkara yang dikehendaki daripada mereka dalam dunia pekerjaan dan sedar bahawa pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan pada peringkat universiti perlu dipertingkatkan untuk menghadapi pasaran kerja. Di samping itu, Responden 2 juga mengatakan bahawa ia adalah lebih sukar untuk mendapatkan latihan industri sebagai pelajar Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Bahasa Inggeris kerana majikan sudah mempunyai persepsi bahawa mereka tidak akan menghadapi masalah bahasa. Oleh itu, jangkaan tersebut sudah tersedia ada dan ia memberi mereka tekanan dari segi kebolehan berbahasa. Tambahan lagi, Responden 5 menjelaskan bahawa beliau akan lebih berhati-hati dari segi tatabahasa kerana beliau merupakan pelajar Pengajian Bahasa Inggeris.

Mereka mempunyai persepsi bahawa kami sepatutnya mahir dalam penulisan kerana kami berasal dari program Pengajian Bahasa Inggeris (Responden 2).

Responden 3 pula menjelaskan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan di universiti telah melengkapkannya dengan kemahiran bahasa yang diperlukan, namun beliau tidak pernah mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan kemahiran-kemahiran yang diperolehi kerana ia hanya diamalkan apabila beliau perlu melengkapkan tugas dan pembentangan beliau.

...Saya hanya menulis apabila terdapat tugas, jika tidak, saya berasa saya tidak perlu berlatih menulis (Responden 3).

Hal ini menunjukkan bahawa Responden 3 tidak terdorong untuk meningkatkan kemahiran bahasanya dan tidak yakin dengan penulisannya kerana beliau hanya mampu menulis untuk tujuan menyiapkan tugas pengajiannya. Hal ini merupakan masalah yang amat membimbangkan kerana kemahiran bertulis untuk tugas akademik adalah berbeza dengan kemahiran bertulis di tempat kerja.

Responden 6 dan 7 berkata bahawa penulisan bukannya satu masalah di tempat kerja tetapi mereka perlu memahami keperluan untuk mengetahui konsep dan cara penulisan apabila menulis laporan atau surat. Mereka sedar bahawa majikan akan menilai mereka melalui penulisan mereka.

...penulisan di tempat kerja mungkin memerlukan lebih dari hanya kemahiran menulis, kita juga perlu berpengetahuan dalam bidang tersebut (Responden 6 dan 7).

Responden-responden ini mampu bertutur dengan lancar dalam bahasa Inggeris, akan tetapi, sebelum mereka menjalani latihan industri, mereka masih meragui kemahiran bertutur dan bertulis dalam memenuhi kehendak pasaran kerja. Mereka juga berasa bahawa kursus pengajian mereka telah melengkapkan mereka dengan kemahiran bahasa yang berkenaan dan mereka juga memahami bahawa individu secara sendirinya harus dipersalahkan jika tidak berjaya meningkatkan kemahiran tersebut. Tambahan pula, mereka mempunyai kefahaman yang jelas bahawa industri kerja adalah suatu arena yang berbeza dan mereka benar-benar perlu memperbaiki kemahiran bahasa dan pengetahuan mereka untuk memenuhi permintaan majikan. Masalah ini juga jelas dilaporkan oleh kajian yang dijalankan oleh Sophie et al. (2009) mengenai kesan penguasaan bahasa Inggeris kepada kebersediaan bekerja, yang mendapati bahawa graduan dengan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah akan menghadapi masalah dalam pencarian pekerjaan.

Di samping itu, para responden menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah semasa sesi pembentangan kerana mereka telah dilengkapi dengan kemahiran pembentangan seperti penggunaan Power Point untuk pembentangan multimedia. Dari segi kemahiran penyelidikan, Responden 1 telah mahir dengan pelbagai kaedah penyelidikan. Beliau lebih menggemari pendekatan kualitatif, jadi beliau kurang menghuraikan kaedah kuantitatif kerana beliau gentar menggunakan perisian SPSS akibat kekurangan pendedahan dan pengetahuan mengenainya.

Saya lebih menggemari kaedah kualitatif kerana saya tidak pandai menggunakan SPSS, dan ia bukanlah suatu kewajipan untuk kami belajar bagaimana untuk menggunakannya (Responden 1).

Responden 1 masih boleh belajar menggunakan perisian SPSS supaya dia dapat membiasakan diri dengan kaedah analisis statistik. Akan tetapi, walaupun para responden mengetahui kedua-dua jenis kaedah penyelidikan (kualitatif dan kuantitatif), mereka lebih suka berada dalam zon selesa dan akan menggemari kaedah penyelidikan yang lebih selesa kepada mereka. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa para responden tidak begitu yakin untuk menjalankan penyelidikan atau menceburi bidang yang mereka tidak tahu, tetapi mereka bersedia untuk belajar mengenainya jika mereka perlu berbuat demikian.

Jika saya perlu menjalankan penyelidikan kuantitatif, maka saya akan belajar menggunakan perisian SPSS (Responden 3).

Responden-responden ini sedar mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa menjalankan penyelidikan. Mereka telah mahir dengan etika penyelidikan dan sudah biasa dengan pendekatan tertentu. Walaupun mereka

dilengkapi dengan pengetahuan yang berkaitan, serta kemahiran penulisan dan pembentangan, mereka tetap berasa bimbang akan permintaan dunia pekerjaan yang memerlukan mereka untuk menghadapi banyak halangan, dan lebih banyak kemahiran penyelidikan akan diperlukan untuk membantu kerjaya mereka.

Responden 1 melaporkan bahawa beliau tidak perlu membuat banyak penulisan. Terdapat sebuah buku log di mana beliau perlu menulis laporan harian, dan beliau hanya perlu menulis ayat-ayat mudah dalam buku tersebut. Kadang-kala, pihak pengurusan akan meminta beliau untuk membetulkan kesalahan bahasa (jika ada) dalam baucar yang diberi kepada pelanggan.

Ia bukanlah mengenai kandungannya, tetapi hanya tentang tatabahasa dan pemilihan penggunaan perkataan. Sekali-kala, saya akan baca buku log tersebut, dan saya dapati yang ayat-ayat dalam bahasa Inggeris telah ditulis dengan agak teruk (Responden 1).

Responden 2 berkata bahawa dia tidak menggunakan bahasa Inggeris dengan kerap semasa beliau mengajar, walaupun dia merupakan seorang guru Bahasa Inggeris. Hakikat ini tidak mengejutkan beliau kerana beliau telah melalui pengalaman yang sama semasa zaman sekolah rendah dan menengah beliau.

Apabila saya cuba untuk menggunakan bahasa Inggeris yang mudah dengan responden saya, mereka akan mula merengek dan mengadu bahawa mereka tidak faham, jadi saya perlu menggunakan BM (Responden 2).

Responden 2 juga mengadu bahawa persekitarannya tidak mendorong beliau untuk menggunakan bahasa Inggeris. Hal ini bukan sahaja berlaku di dalam kelas tetapi juga di luar bilik darjah. Beliau tidak berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan kakitangan di sekolah, sebaliknya menggunakan dialek bahasa Kelantan semasa berkomunikasi dengan para guru dan guru besar, serta tidak perlu menghasilkan sebarang penulisan.

Responden 3, 4 dan 5 dengan sebulat suara bersetuju bahawa program Pengajian Bahasa Inggeris telah memberikan mereka keyakinan dan mereka mempunyai lebih peluang untuk menghadiri temu duga kerja.

...Ke mana-mana anda pergi tidak kira apa-apa bidang atau apa-apa syarikat yang anda pergi, mereka masih akan mementingkan bahasa Inggeris...mereka dengan mempunyai kebolehan berbahasa Inggeris. Maksud saya ialah, tidak kisahlah seberapa ramai doktor yang diperlukan di dunia, mereka akan tetap

memerlukan pakar-pakar bahasa. Saya fikir kita mempunyai kebolehpasaran (Responden 5).

Responden 6 berkata bahawa penguasaan bahasa Inggeris adalah amat penting apabila beliau berurusan dengan pelanggan di bank. Penulisan adalah sangat penting kerana beliau perlu menjawab e-mel para pelanggan. Beliau semestinya menggunakan kosa kata yang tepat dan memuaskan hati pelanggan yang berinteraksi dengannya melalui e-mel.

Apa yang biasanya berlaku di tempat kerja ialah semua rakan sekerja saya akan mempertanggungjawabkan saya untuk membalas kesemua e-mel yang diterima oleh mereka. Oleh itu, apabila anda mempunyai asas dalam penulisan surat-menyurat dalam bahasa Inggeris, ia menjadi amat penting untuk menghasilkan penulisan yang baik apabila berurusan dengan para pelanggan (Responden 7).

Kemahiran dalam bahasa Inggeris tidak menjadi masalah bagi para responden kajian ini untuk bersaing di tempat kerja. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh program bahasa Inggeris, terutamanya mengenai penggunaan bahasa Inggeris yang betul telah banyak membantu mereka. Sebahagian daripada para responden dihargai oleh majikan kerana kecekapan bahasa mereka semasa mereka menjalani latihan industri. Akan tetapi keadaannya berbeza untuk kemahiran penyelidikan mereka. Para responden tidak mempunyai peluang untuk menggunakan pengetahuan yang dipelajari dalam kursus kaedah penyelidikan kerana sifat kerja yang telah diberikan kepada mereka tidak memerlukan kemahiran penyelidikan.

Responden 3, 4 dan 5 tidak berkongsi apa-apa mengenai kemahiran penyelidikan. Hal ini adalah kerana mereka tidak mempunyai sebarang peluang untuk menjalankan penyelidikan di tempat kerja semasa menjalani latihan industri mereka. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada mereka mendakwa bahawa mereka lebih selesa melakukan penyelidikan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Mereka juga berpendapat bahawa kursus kaedah penyelidikan amat berguna semasa mereka menjalankan penyelidikan untuk pengajian mereka.

...Mengajar kita cara untuk menganalisis hasil kajian, cara untuk mendapatkan sampel, dan cara menggunakan sampel untuk menjalankan penyelidikan (Responden 3).

Responden 4 percaya dalam penggunaan kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif.

Saya tahu cara untuk menulis pernyataan masalah, jadi dari situ saya mampu menghasilkan objektif kajian dan dengan perlahan-lahan maju ke bahagian metodologi dan kajian literatur. Oleh itu, ia membuat saya memahami perkara asas untuk menjalankan penyelidikan (Responden 4).

Saya lebih menggemari pendekatan kualitatif kerana saya percaya kepada kuantitatif, hmmm... kerana apabila anda memberikan soal selidik, katakan anda memberi 1000 soal selidik, anda hanya mendapat 200 semula, ia menjadi tidak meyakinkan, dan mereka yang mengisinya hanya dengan ala kadar, seolah-olah mereka tidak suka mengisinya...Kerana dalam sesi temu bual, peserta adalah lebih tenang, mereka boleh bercakap tentang apa sahaja yang mereka mahu dan saya berasa bahawa ia lebih boleh dipercayai (Responden 5).

Ya, saya mempunyai masalah dengan data kuantitatif kerana saya tidak tahu menggunakan perisiannya (Responden 6).

Kerana kualitatif, sebab saya suka kualitatif adalah kerana saya lebih gemari teks daripada manusia. Saya menggemari analisis dokumen; awak tahulah, semua ini seperti analisis wacana secara kritis (Responden 7).

Para responden ini sedar bahawa proses yang terlibat dalam menjalankan penyelidikan dan mereka yakin akan penggunaan pendekatan yang terlibat. Selain itu, responden juga sedar mengenai kaedah pengumpulan data. Setelah dilengkapi dengan kedua-dua kemahiran bahasa Inggeris dan kemahiran penyelidikan, para responden tidak menghadapi sebarang masalah semasa menjalani latihan industri mereka. Dalam bahagian seterusnya, para responden menyuarakan pendapat mereka tentang cara latihan industri yang perlu dilakukan dan dijalankan, dan berkongsi beberapa cabaran yang telah dihadapi oleh mereka.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Semasa Latihan Industri

Semua responden yang telah ditemu bual menyuarakan bahawa mereka menginginkan tempoh latihan industri yang lebih panjang. Mereka berasa bahawa tempoh latihan adalah terlalu singkat untuk mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja baru.

...seperti di beberapa fakulti lain, mereka mempunyai latihan industri selama enam bulan...kejuruteraan, ekonomi dan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (Responden 3 dan 4).

Para responden juga menyatakan bahawa pihak UKM harus lebih selektif dalam memilih institusi atau organisasi yang terlibat untuk latihan industri sebelum membenarkan pelajar membuat keputusan, kerana terdapat beberapa institusi di mana responden telah menjalani latihan industri mereka, adalah langsung tidak berkaitan dengan kursus mereka.

UKM perlu lebih selektif...seperti kewartawanan, pendidikan dan pekerjaannya harus berkaitan dengan bahasa (Responden 3).

Responden 7 menjelaskan bahawa pihak UKM perlu memilih syarikat multinasional dan rangkaian yang boleh dipercayai untuk menyalurkan pelajar mereka untuk latihan industri mereka. Hal ini kerana ia lebih menyakinkan dalam resume apabila mereka telah melengkapkan latihan industri mereka dalam bidang yang berkaitan dengan bahasa.

Responden 4 dan 5 mencadangkan supaya asas dalam pengajaran bahasa dan pembelajaran harus mengandungi beberapa komponen tentang cara untuk mengajar—contohnya, cara untuk mengajar perbendaharaan kata dan tatabahasa. Walaupun kita mempunyai beberapa pendedahan seperti pergi ke sekolah untuk menjalankan tugas dan kerja lapangan tetapi aktivitinya tiada untuk tujuan pengajaran. Oleh itu, ia adalah satu keperluan yang perlu dipertimbangkan oleh pihak universiti sebelum menghantar kita ke sekolah untuk latihan industri.

...program BAELS. Ia adalah sangat baik, tetapi saya berasa unsur pengajaran juga perlu diterapkan. Saya tahu bahawa kita bukan dari pengajian pendidikan, tetapi apabila kita pergi ke sekolah...kita mempunyai satu masalah— mereka akan bertanya—adakah kami guru? (Responden 5).

Responden 6 tidak bersetuju untuk menghantar para responden ke sekolah untuk melakukan latihan industri kerana ini bukannya ijazah pendidikan. Walau bagaimanapun, Responden 5 berkata:

Kami hanya mahu mendapat pengalaman baru kerana kami tahu bahawa selepas kami mendapat ijazah, kami tidak akan bekerja di sekolah...kami hanya mahu pergi ke sekolah rendah kerana ia akan menjadi pengalaman baru dan ia amat berbeza dengan kehidupan pelajar, tetapi...(Responden 5).

Responden 7 turut berkongsi tentang pengalamannya bekerja di Agensi Terjemahan.

Ia telah membuka mata kami kerana mereka benar-benar memandang rendah kepada kami. Mereka tidak berfikir bahawa

kami berupaya menterjemahkan buku-buku. Jadi apa yang mereka lakukan ialah mereka hanya memberi kami satu bab daripada sebuah buku keseluruhan, hanya satu bab dan berkata, "ok, cuba terjemahkan ini". Kami sekumpulan berempat. Jadi ia agak menghina kerana kami berempat ditugaskan kepada hanya satu bab (Responden 7).

Pegawai yang menyelia kagum dengan hasil terjemahan tersebut. Para responden tidak harus menunggu sesi latihan industri untuk menimba pengalaman dan pendedahan di tempat kerja. Selain kursus terjemahan, Responden 7 juga mencadangkan diadakan kursus bahasa asing supaya dapat menghantar para pelajar ke kedutaan asing untuk latihan industri. Beberapa sekolah antarabangsa di Malaysia juga menawarkan latihan industri kepada para responden.

Oleh yang demikian, para penyelidik berharap hasil dapatan kajian ini membolehkan institusi-institusi pengajian tinggi menghasilkan garis panduan yang lebih baik berkenaan penempatan pelajar prasiswazah untuk latihan industri. Perkara lain yang penting untuk dikaji pada masa depan, adalah mengenai penerapan kemahiran kebolehgajian dalam perekaan kursus-kursus yang akan datang, seperti yang telah diutarakan oleh para responden kajian ini.

BATASAN KAJIAN

Pertama, hanya 17 orang pelajar menyertai kajian ini dan mereka agak mahir dalam bahasa Inggeris kerana mereka adalah dari program Pengajian Bahasa Inggeris. Oleh itu, ada kemungkinan besar bahawa kemahiran bahasa Inggeris tidak menjadi isu utama bagi mereka. Kedua, mereka telah ditempatkan di sekolah untuk sesi latihan industri dan mereka mungkin tidak memerlukan kemahiran penyelidikan dalam tugas mereka.

Maka, dengan bidang kerja yang berlainan, pelajar akan mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi daripada program Pengajian Bahasa Inggeris dengan berbeza. Di samping itu, memandangkan pelajar yang dipilih untuk kajian ini tidak mempunyai masalah dengan penguasaan bahasa Inggeris maka ia memudahkan tugas mereka semasa menjalani latihan industri. Oleh yang demikian, kedua-dua faktor ini mungkin mengehadkan hasil pencarian dan kedua-dua faktor ini perlu dipertimbangkan dan diambil kira dalam kajian akan datang.

IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Kemahiran secara lisan dan bertulis dalam bahasa Inggeris adalah penting kerana kebanyakan organisasi korporat menggunakan bahasa Inggeris sebagai media komunikasi untuk memenuhi permintaan dan cabaran global. Kefasihan dalam bahasa Inggeris bukan masalah utama kepada para responden kajian ini kerana sebagai pelajar Pengajian Bahasa Inggeris, mereka telah mencapai tahap yang diperlukan untuk bertutur dan menulis dengan baik. Para responden kajian ini agak yakin dengan kemahiran bahasa mereka kecuali sebahagian daripada mereka yang telah menjalani latihan industri di bidang yang tidak bersesuaian dengan kemahiran mereka. Oleh itu, kajian pada masa depan amat disarankan untuk menyiasat prestasi pelajar dari bidang pengajian yang lain (selain Pengajian Bahasa Inggeris) dari segi kemahiran bahasa Inggeris mereka semasa menjalani latihan industri.

Manakala bagi kemahiran penyelidikan, para responden melaporkan bahawa mereka tidak menggunakannya di tempat kerja kerana mereka tidak perlu menjalankan penyelidikan. Para responden memberikan persepsi positif terhadap latihan industri dan berasa ia telah memberi peluang untuk meningkatkan profil kebolehgajian, personaliti dan kemahiran insaniah, selain hanya tertumpu kepada pencapaian akademik sahaja. Oleh itu, kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar Pengajian Bahasa Inggeris di UKM adalah bersesuaian dengan keperluan pasaran kerja semasa. Tetapi, lebih banyak unsur-unsur kebolehgajian patut diterapkan kepada program Pengajian Bahasa Inggeris untuk memastikan pelajar lebih bersedia untuk menghadapi pasaran kerja serta meningkatkan kebolehpasaran mereka pada mata dunia.

Sistem pendidikan di Malaysia agak berfokus ke arah kecemerlangan akademik dan sistem ini perlu dirombak. Clement (2007) mengutarakan bahawa pencapaian skor cemerlang (semua skor A) tidak mencukupi untuk mendapatkan pekerjaan atau untuk meneraju kemajuan dalam kerjaya. Oleh itu, pembangunan kemahiran kebolehgajian harus diterapkan ke dalam sukatan pelajaran pendidikan dari peringkat persekolahan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Para pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia juga harus diberi pendedahan terhadap program pembangunan insaniah yang berkesan dan relevan, untuk menggalakkan dan menerapkan interaksi sosial yang akan meningkatkan kebolehpasaran mereka. Usaha-usaha untuk menerapkan kemahiran kebolehgajian adalah amat bermanfaat untuk mendidik individu yang serba boleh. Tempat kerja yang kian berubah dan berevolusi amat memerlukan semua pekerja pada abad ke-21 untuk menguasai kemahiran kebolehgajian. Oleh itu, pelajar yang mempunyai kebolehan akademik dan kemahiran kebolehgajian yang bersesuaian adalah penting bagi mereka untuk bersaing dalam pasaran kerja global semasa yang berorientasikan pengetahuan.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Tindakan/Strategik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-PTS-125-2010).

RUJUKAN

- Burke, J. A., R. Katz, S. A. Handy and R. S. Polimeni. 2008. Research skills: A fundamental asset for accountants. *CPA Journal* 78(1): 66–69.
- Clement, H. 2007. Soft skills essential for success in today's workplace. *The Star*, 23 September. <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2007/9/23/focus/18887876&sec=focus/> (accessed 23 September 2007).
- Dacre, P. L. and P. Sewell. 2007. The key to employability. Developing a practical model of graduate employability. *Education and Training* 49(4): 277–289.
- Emanul, R. 2007. Communication: Humanities' core discipline. *American Communication Journal* 9(2): 1–12.
- Forey, G. 2004. Workplace texts: Do they mean the same for teachers and business people? *English for Specific Purposes* 23(4): 447–469.
- Gibb, J., ed. 2004. Generic skills in vocational education and training. <http://www.ncver.edu.au/publications/1448.html> (accessed 19 June 2012).
- Harvey, L. 2003. Transitions from higher education to work. <http://www.palatine.ac.uk/files/emp/1235.pdf> (accessed 19 October 2011).
- Hazmillah Hasan. 2008. Exploring engineering employability competency. *Journal of Human Capital Development* 1(1): 11–20.
- Katkin, W. 2003. The boyer commission report and its impact on undergraduate research. *New Direct Teach Lear* 93: 139–142.
- Ministry of Higher Education. 2012a. List of IPTA and IPTS in Malaysia. <http://jpt.mohe.gov.my/eng/menuipt.php/> (accessed 12 July 2012).
- _____. 2012b. The national graduate employability blueprint 2012–2017. <http://www.mohe.gov.my/portal/images/utama/penerbitan/TNGEblueprint/GE%20blueprint%202012-2017.pdf/> (accessed 28 August 2013).
- _____. 2010. Public higher education institution (Chapter 2). http://www.mohe.gov.my/web_statistik/statistik2010/BAB2_IPTA.pdf/ (accessed 28 July 2012).
- Morshidi Sirat, Y. L. Koo, Norzaini Azman and K. Sarjit. 2009. *Diversification of post-secondary education to expand access and improve relevance in Malaysia*. Paris, France: International Institute for Educational Planning (IIEP).

- Murdoch-Eaton, D., S. Drewery, S. Elton, C. Emmerson, M. Marshall, J. A. Smith, P. Stark and S. Whittle. 2010. What do medical students understand by research and research skills? Identifying research opportunities within undergraduate projects. <http://informalhealthcare.com/> (accessed 9 September 2010).
- National Economic Advisory Council (NEAC). 2010. NEAC: Malaysia losing skilled talent. *The Star*. <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2010/3/30/nation/20100330161336&sec=nati> (accessed 21 November 2011).
- Noor Azina Ismail. 2011. Graduates' characteristics and unemployment: A study among Malaysian graduates. *International Journal of Business and Social Science* 2(16): 94–102.
- Nor Shimaz Shah. 2007. Are graduates to be blamed? Unemployment of computer science graduates in Malaysia. <http://aabss.org/Perspectives2008/AABSS2008Article6NORSHIMAZSHAH.pdf> (accessed 10 June 2011).
- Ogbeide, G-C. 2006. Employability skills and students' self-perceived competence for careers in the hospitality industry. PhD diss., University of Missouri, Columbia.
- Phang, S. 2006. Lack of English hinders Malaysia grads. <http://www.ytlcommunity.com/commnews/shownews.asp?newsid=26502/> (accessed 12 July 2012).
- Popescu, A. and R. Popescu. 2003. Building research skills: Course-intergrated training methods. *Journal of Professional Issues in Engineering Education and Practice* 129(1): 40–43.
- Reid, K., B. D. Montgomery, N. P. Stocks and E. A. Farmer. 2008. General practice research training: Impact of the Australian registrar research workshop on research skills, confidence, interest and involvement of participants, 2002–2006. *Family Practice* 25(2): 119–126.
- Robinson, J. P. 2000. What are employability skills? *Alabama Cooperative Extension System* 1(3): 1–3.
- Seymour, E., A-M. Hunter, S. L. Laursen and T. Deantoni. 2004. Establishing the benefits of research experiences for undergraduates in the science. *Sci Ed* 88: 493–534.
- Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin. 2008. English skills: Learning English in collegiate. http://eprints.ukm.my/77/1/English_skills__Learning_English_in_collegiate_communitie-nstonline.pdf/ (accessed 23 November 2011).
- Siti Hamin Stapa and Ismie Roha Mohd Jais. 2005. A survey of writing needs and expectations of hotel management and tourism students. *English for Specific Purposes World Journal* 9(4). http://www.esp-world.info/Articles_9/Stapa-ESPworld.htm/ (accessed 13 September 2013).
- Siti Hamin Stapa, Tg Nor Rizan Tg Mohd Maasum, Rosniah Mustaffa and Saadiyah Darus. 2008. Workplace written literacy and its effect on the curriculum. *GEMA Online Journal of Language Studies* 8(1): 23–33.

- Sophie, A., H. Lesleyanne, B. Chi, H. Graeme, O. Kieran, L. Dan and B. Emmaline. 2009. *The impact of English language proficiency and workplace readiness on the employment outcomes of tertiary international students*. Australia Government: Department of Education, Employment and Workplace Relations.
- Tan, S. C. 2007. Be more prepared. *The Sunday Star*. <http://archives.thestar.com.my/search/?q=Transforming+Higher+education> (accessed 12 July 2012).
- Vijan, P. 2007. Infosys ready to offer jobs to 29 Malaysian graduates. http://www.bernama.com.my/bernama/v3/news_lite.php?id=269264/ (accessed 12 July 2012).